

**Muhyiddin Rasmi Peletakan Batu Asas Pusat Sukan Jerlun
Bernama
23 April, 2013**

JITRA, 23 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini merasmikan majlis peletakan batu asas pembinaan Pusat Sukan Parlimen Jerlun di Sanglang dekat sini.

Pusat sukan hasil inisiatif kerajaan Barisan Nasional (BN) itu ialah tanda keprihatinan BN terhadap golongan muda khususnya dalam kawasan Parlimen Jerlun yang memerlukan pembangunan kemudahan yang boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti sihat.

Muhyiddin ketika berucap pada majlis itu berkata walaupun Kedah ditadbir kerajaan PAS, BN tetap prihatin dengan rakyat yang mahukan pembangunan yang gagal dibawa pakatan pembangkang setelah hampir lima tahun memerintah negeri ini. "Kerajaan negeri tak berupaya melaksanakan kemajuan, kita (BN) ambil alih supaya Kedah terus maju berkat usaha BN," katanya

Pusat sukan berkeluasan lebih 10 hektar itu terletak bersebelahan Sekolah Menengah Kebangsaan Sanglang dan bernilai lebih RM3 juta.

Ia merangkumi pembinaan pusat kegiatan sukan lengkap dengan podium mini, trek jogging, gelanggang futsal, padang permainan kanak-kanak dan padang terbuka untuk kegunaan orang ramai.

Lebih 2,000 anggota masyarakat sekitar kawasan Parlimen Jerlun hadir sebagai tanda sokongan terhadap satu lagi projek yang dilaksanakan kerajaan persekutuan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944398>